

50 saksi dipanggil

➔ Perbicaraan bekas PM ambil masa 33 hari bermula esok, berakhir 29 Mac ini

Oleh Ahmad Johari Mohd Ali
ajohari@bharian.com.my

► Kuala Lumpur

Pihak pendakwaan bagi perbicaraan kes rasuah berprofil tinggi bekas Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak yang menghadapi tujuh tuduhan membabitkan dana berjumlah RM42 juta milik SRC International Sdn Bhd, akan memanggil 50 saksi bagi memberi keterangan.

Pada prosiding yang mendapat perhatian luas media tempatan dan antarabangsa sebelum ini, Mahkamah Tinggi turut diberitahu, lebih 3,000 muka surat dokumen diserahkan kepada pembelaan membabitkan Minit Mesyuarat SRC International.

Hakim Mahkamah Tinggi, Mohd

Nazlan Mohd Ghazali menetapkan perbicaraan selama 33 hari bermula esok iaitu sehingga 28 Februari dan bersambung daripada 4 Mac hingga 29 Mac tahun ini.

Pasukan pendakwaan diketuai Peguam Negara, Thommy Thomas yang turut diperkuatkan dengan dua peguam terkemuka dalam undang-undang jenayah termasuk bekas Presiden Majlis Peguam, Datuk Sulaiman Abdullah dan peguam Datuk V Sithambaram yang juga Pengerusi Bersama Jawatankuasa Undang-Undang Jenayah Badan Peguam, yang dilantik Pejabat Peguam Negara.

Sudah bersedia

Pihak pendakwaan menyatakan mereka sudah bersedia sepenuhnya untuk memulakan perbicaraan dan tidak mahu prosiding ditangguhkan yang dizahirkan melalui suratnya kepada Mahkamah Tinggi pada 17 Januari lalu.

ia berikutan tindakan peguam bela menulis surat kepada Mahkamah Tinggi pada 15 Januari memohon penangguhan perbicaraan sementara rayuannya berhubung pelantikan Sulaiman dan larangan media serta orang awam membicarakan mengenai merit kes, diputuskan Mahkamah Rayuan.

Pada kenyataan media sebelum ini, Pejabat Peguam Negara berkata, melalui suratnya kepada Mahkamah Tinggi, mereka mem-

bantah permohonan Najib menangguhkan perbicaraan kes, yang disifatkan remeh dan menyebabkan kelewatan tidak munasabah.

Bantah sebarang penangguhan

Kenyataan itu berkata, dengan mengambil kira arahan mengikut Seksyen 172B(4) Kanun Acara Jenayah, hakim mencadangkan perbicaraan pada November tahun lalu, tetapi ia dibantah peguam Tan Sri Muhammad Shafee Abdullah yang memaklumkan beliau (Muhammad Shafee) sudah melapangkan masa bagi Februari dan Mac untuk perbicaraan.

Susulan itu, Pejabat Peguam Negara membantah sebarang penangguhan kerana pasukan pembelaan mempunyai masa tujuh bulan untuk menyediakan pembelaan, selain demi kepentingan perbicaraan dan kepentingan awam.

Malah, pada prosiding terdahulu, Ketua Unit Bicara dan Rayuan Jabatan Peguam Negara, Datuk Mohamad Hanafiah Zakaria memberitahu mahkamah pihaknya bersedia memulakan perbicaraan pada November tahun lalu.

Mohamad Hanafiah berkata, ia sejajar Seksyen 172B(4) Kanun Acara Jenayah yang memperuntukkan perbicaraan kes jenayah perlu dijalankan dalam tempoh 90 hari selepas tertuduh didakwa.

BH - 11/2/2019
m/s: 6